



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta A1533

**AKTA PERLINDUNGAN PENGGUNA
(PINDAAN) 2017**

Tarikh Perkenan Diraja 2 Mei 2017

Tarikh penyiaran dalam *Warta* ... 18 Mei 2017

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta A1533

AKTA PERLINDUNGAN PENGGUNA (PINDAAN) 2017

Suatu Akta untuk meminda Akta Perlindungan Pengguna 1999.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perlindungan Pengguna (Pindaan) 2017.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 3

2. Akta Perlindungan Pengguna 1999 [*Akta 599*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam subseksyen 3(1) dengan memotong takrif “surat cara kredit”.

Bahagian baharu IIIb

3. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas Bahagian IIIA Bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN IIIb

URUS NIAGA JUALAN KREDIT

Pemakaian Bahagian IIIb

24k. (1) Tanpa menjejaskan peruntukan Akta Kontrak 1950, Akta Relief Spesifik 1950 dan Akta Jualan Barang 1957, peruntukan-peruntukan Bahagian ini hendaklah terpakai bagi semua perjanjian jualan kredit.

(2) Bahagian ini tidak terpakai bagi urus niaga jualan kredit yang dibuat antara pembeli dengan koperasi yang berdaftar di bawah Akta Koperasi 1993 [*Akta 502*] atau apa-apa urus niaga jualan yang melibatkan kad kredit.

Tafsiran bagi maksud Bahagian IIIb

24L. Bagi maksud Bahagian ini—

“amaun keseluruhan yang belum dijelaskan yang kena dibayar” ertinya jumlah amaun yang kena dibayar oleh pembeli di bawah suatu perjanjian jualan kredit dan amaun yang diperoleh daripada caj terma atas ansuran lampau tempoh yang belum dibayar ditolak—

(a) jumlah amaun ansuran yang dibayar oleh atau bagi pihak pembeli itu, tidak termasuk deposit; dan

(b) rebat berkanun, jika ada;

“barang” ertinya apa-apa barang atau kelas barang yang ditetapkan oleh Menteri di bawah seksyen 24m;

“caj terma” ertinya suatu faedah yang dikira pada suatu kadar setahun atas amaun permulaan yang dibiayai oleh pemberi kemudahan kredit dalam suatu perjanjian jualan kredit;

“kemudahan kredit” ertinya suatu kemudahan yang diberikan oleh pemberi kemudahan kredit kepada pembeli di bawah suatu urusan niaga jualan kredit yang membenarkan bayaran bagi barang yang dijual dibuat secara ansuran;

“pemberi kemudahan kredit” ertinya mana-mana orang, termasuk penjual, yang memberikan kemudahan kredit kepada pembeli dalam suatu urusan niaga jualan kredit;

“pengedar” ertinya seseorang, selain pekerja pemberi kemudahan kredit, yang berunding bagi pihak pemberi kemudahan kredit bagi maksud membuat suatu perjanjian jualan kredit;

“penjual” ertinya mana-mana orang yang menjual barang kepada mana-mana pembeli melalui suatu urusan niaga jualan kredit;

“perjanjian jualan kredit” ertinya suatu perjanjian yang dibuat antara pembeli, yang merupakan seorang pengguna, dengan pemberi kemudahan kredit bagi jualan barang yang dengannya—

- (a) suatu kemudahan kredit diberikan oleh pemberi kemudahan kredit itu kepada pembeli itu dalam suatu urusan niaga jualan kredit bagi barang itu; dan
- (b) bayaran kredit bagi barang yang dibeli itu dibuat oleh pembeli kepada pemberi kemudahan kredit secara ansuran;

“rebat berkanun” ertinya—

- (a) suatu rebat atas caj terma yang belum dijelaskan yang dikira mengikut formula yang ditetapkan; atau
- (b) suatu rebat atas amaun premium yang dibayar berkenaan dengan insurans barang,

yang diberikan atas penyelesaian awal pembayaran amaun keseluruhan yang belum dijelaskan yang kena dibayar di bawah suatu perjanjian jualan kredit;

“urus niaga jualan kredit” ertinya suatu urus niaga kredit antara pemberi kemudahan kredit dengan pembeli bagi pembayaran barang yang dibeli secara ansuran.

Kuasa Menteri untuk menetapkan barang

24M. Bagi maksud Bahagian ini, suatu perjanjian jualan kredit hanya boleh dibuat berkenaan dengan apa-apa barang atau kelas barang sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri.

Prasyarat perjanjian jualan kredit

24N. (1) Sebelum apa-apa perjanjian jualan kredit dibuat berkenaan dengan apa-apa barang atau kelas barang, penjual atau pemberi kemudahan kredit, atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihak penjual atau pemberi kemudahan kredit itu, atau pengedar, yang menjalankan rundingan yang membawa kepada pembuatan perjanjian jualan kredit hendaklah menyerahkan kepada bakal pembeli suatu pernyataan bertulis yang ditetapkan yang berhubungan dengan ringkasan obligasi kewangan bakal pembeli itu yang dilengkapi dan ditandatangani dengan sewajarnya oleh penjual, pemberi kemudahan kredit, orang yang bertindak bagi pihak penjual atau pemberi kemudahan kredit itu, atau pengedar itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Selepas pernyataan bertulis yang disebut dalam subseksyen (1) diserahkan dan apabila permohonan dibuat—

- (a) oleh bakal pembeli itu kepada penjual atau orang yang bertindak bagi pihak penjual atau pemberi kemudahan kredit, atau pengedar itu, yang disebut dalam subseksyen (1), penjual, orang atau pengedar itu hendaklah mengambil apa-apa langkah untuk mendapatkan persetujuan pemberi kemudahan kredit untuk memberikan kemudahan kredit kepada bakal pembeli itu dan pemberi kemudahan kredit itu boleh memberikan persetujuannya; atau

(b) oleh bakal pembeli itu kepada pemberi kemudahan kredit yang disebut dalam subseksyen (1), pemberi kemudahan kredit itu boleh memberi persetujuannya untuk memberikan kemudahan kredit kepada bakal pembeli itu.

(3) Pemberi kemudahan kredit boleh mengenakan suatu fi pemprosesan yang tidak melebihi fi yang ditetapkan ke atas bakal pembeli yang membuat permohonan di bawah subseksyen (2).

(4) Pemberi kemudahan kredit itu hanya boleh mengenakan satu fi pemprosesan berkenaan dengan satu perjanjian jualan kredit tanpa mengira bilangan barang yang dibeli di bawah perjanjian itu.

(5) Selepas persetujuan pemberi kemudahan kredit untuk memberikan kemudahan kredit kepada bakal pembeli diberikan di bawah subseksyen (2), penjual atau pemberi kemudahan kredit itu, atau orang yang bertindak bagi pihak penjual atau pemberi kemudahan kredit itu, atau pengedar itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah menyerahkan kepada bakal pembeli itu suatu pernyataan bertulis yang ditetapkan yang berhubungan dengan persetujuan pemberi kemudahan kredit untuk memberikan kemudahan kredit kepada bakal pembeli itu yang dilengkapkan dan ditandatangani dengan sewajarnya oleh pemberi kemudahan kredit itu.

(6) Pernyataan bertulis yang disebut dalam subseksyen (1) dan (5) hendaklah diserahkan dengan menghantarserahkan pernyataan bertulis itu sendiri kepada bakal pembeli atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihaknya yang hendaklah mengaku terima pernyataan bertulis itu.

(7) Mana-mana bakal pembeli yang telah diserahkan dengan pernyataan bertulis yang disebut dalam subseksyen (1) atau (5) tiada apa-apa obligasi untuk membuat apa-apa perjanjian jualan kredit, dan tiada bayaran atau balasan lain yang boleh dikehendaki daripadanya berkenaan dengan penyediaan atau penyerahan pernyataan bertulis itu.

(8) Tiada perjanjian jualan kredit boleh dibuat dalam tempoh sepuluh hari bekerja selepas penyerahan pernyataan bertulis di bawah subseksyen (5).

(9) Walau apa pun subseksyen (8), bakal pembeli boleh memilih untuk membuat suatu perjanjian jualan kredit selepas tiga hari bekerja dari tarikh penyerahan pernyataan bertulis di bawah subseksyen (5).

(10) Pemberi kemudahan kredit hendaklah membayar balik fi pemprosesan yang dikenakan di bawah subseksyen (3) kepada bakal pembeli jika—

- (a) persetujuan pemberi kemudahan kredit itu untuk memberikan kemudahan kredit tidak diberikan di bawah subseksyen (2); atau
- (b) bakal pembeli itu memilih untuk tidak membuat perjanjian jualan kredit itu.

(11) Suatu perjanjian jualan kredit yang dibuat dengan melanggar subseksyen (1), (5), (6), (7), (8) atau (9) adalah tidak sah.

(12) Jika pengedar atau orang yang bertindak bagi pihak penjual atau pemberi kemudahan kredit menjalankan rundingan yang membawa kepada pembuatan suatu perjanjian jualan kredit dengan melanggar subseksyen (1) atau (5), dan selepas itu penjual atau pemberi kemudahan kredit itu membuat suatu perjanjian jualan kredit, walaupun perjanjian jualan kredit itu adalah tidak sah, pengedar atau orang itu melakukan suatu kesalahan.

(13) Mana-mana orang yang—

- (a) mengenakan suatu obligasi ke atas bakal pembeli untuk membuat apa-apa perjanjian jualan kredit selepas pernyataan bertulis yang disebut dalam subseksyen (1) atau (5) diserahkan kepada bakal pembeli itu; atau
- (b) menghendaki bakal pembeli untuk membuat apa-apa bayaran atau memberikan balasan lain berkenaan dengan penyediaan atau penyerahan pernyataan bertulis yang disebut dalam subseksyen (1) atau (5),

walaupun perjanjian jualan kredit itu adalah tidak sah, melakukan suatu kesalahan.

(14) Pemberi kemudahan kredit yang membuat suatu perjanjian jualan kredit dengan melanggar subseksyen (1), (5), (6), (8) atau (9), walaupun perjanjian jualan kredit itu adalah tidak sah, melakukan suatu kesalahan.

(15) Pemberi kemudahan kredit yang gagal mematuhi subseksyen (3), (4) atau (10) melakukan suatu kesalahan.

Perjanjian jualan kredit hendaklah dibuat secara bertulis

24o. (1) Suatu perjanjian jualan kredit berkenaan dengan apa-apa barang atau kelas barang hendaklah dibuat secara bertulis dan dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris.

(2) Suatu perjanjian jualan kredit yang melanggar subseksyen (1) adalah tidak sah.

(3) Pemberi kemudahan kredit yang membuat suatu perjanjian jualan kredit yang tidak mematuhi subseksyen (1), walaupun perjanjian jualan kredit itu adalah tidak sah, melakukan suatu kesalahan.

Kandungan perjanjian jualan kredit

24p. (1) Tiap-tiap perjanjian jualan kredit—

(a) hendaklah mengandungi maklumat yang berikut:

- (i) tarikh perjanjian jualan kredit itu mula berkuat kuasa;
- (ii) bilangan ansuran bulanan yang hendaklah dibayar oleh pembeli di bawah perjanjian jualan kredit itu;
- (iii) amaun bagi setiap ansuran, dan orang yang kepadanya dan tempat di mana bayaran ansuran itu hendaklah dibuat;
- (iv) tarikh bagi pembayaran setiap ansuran;

- (v) perihalan mana-mana bahagian balasan yang diberikan atau yang akan diberikan selain tunai;
 - (vi) perihalan barang yang mencukupi untuk mengenal pasti barang itu;
 - (vii) alamat di mana barang di bawah perjanjian jualan kredit itu disimpan atau digunakan;
 - (viii) caj terma, dan caj sampingan termasuk caj bayaran lewat, fi pemprosesan, fi penyimpanan, fi pungutan atau caj penghantarserahan, jika ada; dan
 - (ix) hak dan obligasi pembeli dan pemberi kemudahan kredit;
- (b) hendaklah mengandungi maklumat yang berikut dalam bentuk jadual:
- (i) harga tunai, iaitu harga yang mungkin dibayar oleh pembeli untuk barang itu, jika dia membeli barang itu secara tunai, pada masa menandatangani perjanjian jualan kredit itu;
 - (ii) amaun yang dibayar atau diberikan secara deposit, termasuk apa-apa fi tempahan, oleh pembeli yang menunjukkan secara berasingan amaun yang dibayar secara tunai dan amaun yang diberikan melalui apa-apa balasan selain tunai, jika ada;
 - (iii) caj tambang muatan, iaitu apa-apa amaun yang ditanggung bagi perbelanjaan untuk menghantarserahkan barang kepada pembeli, dan termasuk apa-apa amaun yang ditanggung berdasarkan pesanan penghantarserahan pembeli, jika ada;
 - (iv) fi pendaftaran kenderaan, iaitu apa-apa amaun yang kena dibayar bagi fi pendaftaran kenderaan berkenaan dengan suatu kenderaan motor, jika ada;

- (v) apa-apa amaun yang kena dibayar bagi insurans berkenaan dengan barang atau mana-mana daripada barang itu, jika ada;
 - (vi) jumlah amaun yang disebut dalam subperenggan (i), (iii), (iv) dan (v) ditolak deposit yang disebut dalam subperenggan (ii), jika ada;
 - (vii) caj terma;
 - (viii) kadar peratusan tahunan bagi caj terma yang hendaklah dikira mengikut formula yang ditetapkan;
 - (ix) baki permulaan yang kena dibayar, iaitu jumlah amaun yang disebut dalam subperenggan (vi) dan (vii); dan
 - (x) jumlah amaun yang kena dibayar yang hendaklah mengandungi—
 - (A) amaun yang disebut dalam subperenggan (ii), (vi) dan (vii); atau
 - (B) amaun yang disebut dalam subperenggan (i), (iii), (iv), (v) dan (vii); dan
 - (c) tidak boleh mengandungi apa-apa maklumat yang berbeza dalam apa-apa cara yang material daripada maklumat yang dinyatakan dalam perenggan (1)(a) dan (b).
- (2) Suatu perjanjian jualan kredit yang melanggar subseksyen (1) adalah tidak sah.
- (3) Pemberi kemudahan kredit yang membuat suatu perjanjian jualan kredit dengan melanggar subseksyen (1), walaupun perjanjian jualan kredit itu adalah tidak sah, melakukan suatu kesalahan.

Pemunyaan barang yang dibeli di bawah perjanjian jualan kredit

24Q. Apabila perjanjian jualan kredit ditandatangani, pemunyaan barang yang dibeli hendaklah berpindah kepada pembeli.

Hak dan obligasi pembeli

24R. (1) Berhubung dengan suatu perjanjian jualan kredit, pembeli—

- (a) berhak untuk memilih sama ada perjanjian itu dibuat dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris sebelum perjanjian itu ditandatangani;
- (b) berhak kepada gerenti tersirat bahawa dia hendaklah mempunyai dan menikmati milikan aman barang itu; dan
- (c) berhak kepada gerenti tersirat bahawa barang itu hendaklah bebas daripada apa-apa gadaian atau bebanan.

(2) Berhubung dengan suatu perjanjian jualan kredit, pembeli hendaklah—

- (a) membayar amaun ansuran bulanan yang kena dibayar kepada pemberi kemudahan kredit pada tarikh pembayaran yang dipersetujui bagi setiap ansuran;
- (b) menyebabkan supaya barang yang dibeli itu diinsuranskan atas namanya selama tempoh perjanjian itu, jika berkenaan; dan
- (c) apabila diminta oleh pemberi kemudahan kredit di bawah perenggan 24s(1)(a), memaklumkan pemberi kemudahan kredit secara bertulis di mana barang itu disimpan atau digunakan, atau jika barang itu tiada dalam milikannya, kepada siapa dia telah menghantARSERahkan barang itu atau hal keadaan yang dia telah kehilangan milikan barang itu.

Hak dan obligasi pemberi kemudahan kredit

24s. (1) Berhubung dengan suatu perjanjian jualan kredit, pemberi kemudahan kredit berhak untuk—

- (a) meminta, melalui notis secara bertulis, pembeli untuk menyatakan secara bertulis di mana barang itu disimpan atau digunakan, atau jika barang itu tiada dalam milikan pembeli, kepada siapa pembeli telah menghantarserahkan barang itu atau hal keadaan yang pembeli itu telah kehilangan milikan barang itu;
- (b) menyebabkan supaya barang itu diinsuranskan atas nama pembeli terhadap apa-apa risiko yang difikirkan patut oleh pemberi kemudahan kredit itu, jika ada, selama tempoh perjanjian jualan kredit itu; dan
- (c) memungut apa-apa fi tempahan atau deposit daripada pembeli berkenaan dengan apa-apa barang yang dibeli, jika berkenaan.

(2) Berhubung dengan suatu perjanjian jualan kredit, pemberi kemudahan kredit hendaklah—

- (a) menyerahkan suatu salinan perjanjian jualan kredit itu kepada pembeli dalam masa dua puluh satu hari selepas perjanjian jualan kredit itu dibuat;
- (b) memberikan suatu resit kepada pembeli berkenaan dengan setiap bayaran ansuran yang dibuat;
- (c) tertakluk kepada subseksyen (3), pada bila-bila masa sebelum bayaran ansuran terakhir dibuat di bawah perjanjian jualan kredit itu, dan dalam masa dua puluh satu hari selepas pemberi kemudahan kredit itu menerima suatu permintaan secara bertulis daripada pembeli, membekalkan kepada pembeli itu suatu pernyataan yang ditandatangani oleh pemberi kemudahan kredit itu yang menunjukkan—
 - (i) jumlah amaun yang telah dibayar kepada pemberi kemudahan kredit itu oleh atau bagi pihak pembeli;

- (ii) amaun yang telah genap masa di bawah perjanjian itu tetapi belum dibayar;
 - (iii) amaun yang akan kena dibayar di bawah perjanjian itu; dan
 - (iv) amaun yang diperoleh daripada caj terma bagi ansuran lampau tempoh;
- (d) mengeluarkan suatu kad kuasa kepada mana-mana orang yang bertindak bagi pihak pemberi kemudahan kredit bagi maksud memungut atau menerima bayaran ansuran atau apa-apa amaun yang belum dijelaskan di bawah perjanjian jualan kredit itu, atau memungut atau menerima barang yang diserahkan balik oleh pembeli di bawah seksyen 24w; dan
- (e) jika pengedar atau orang yang bertindak bagi pihak pemberi kemudahan kredit itu bagi maksud memungut atau menerima bayaran ansuran atau apa-apa amaun yang belum dijelaskan di bawah perjanjian jualan kredit itu, atau memungut atau menerima barang yang diserahkan balik oleh pembeli, telah berhenti menjadi pengedar atau orang yang sedemikian itu, memaklumkan pembeli secara bertulis tentang pemberhentian itu dan bahawa tiada bayaran ansuran atau penyerahan balik barang boleh dibuat kepada pengedar atau orang itu.

(3) Pemberi kemudahan kredit boleh untuk tidak mematuhi permintaan yang disebut dalam perenggan (2)(c) jika dia telah membekalkan kepada pembeli itu pernyataan yang disebut dalam perenggan itu dalam tempoh tiga bulan sebaik sebelum permintaan itu diterima.

(4) Pemberi kemudahan kredit yang gagal mematuhi subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan.

Pengehadan caj terma

24r. (1) Kadar caj terma berkenaan dengan apa-apa barang atau kelas barang di bawah suatu perjanjian jualan kredit sebagaimana yang dikira mengikut formula yang ditetapkan tidak boleh melebihi kadar yang ditetapkan berkenaan dengan barang atau kelas barang itu.

(2) Jika suatu perjanjian jualan kredit dibuat dengan melanggar subseksyen (1), pembeli boleh, melalui notis secara bertulis kepada pemberi kemudahan kredit, memilih—

- (a) untuk menganggap perjanjian itu sebagai tidak sah; atau
- (b) supaya amaun lebihan itu dikurangkan daripada jumlah amaun caj terma yang kena dibayar olehnya di bawah perjanjian itu.

(3) Jika pembeli itu memilih untuk menganggap perjanjian jualan kredit itu sebagai tidak sah di bawah perenggan (2)(a)—

- (a) perjanjian itu hendaklah menjadi tidak sah;
- (b) pemberi kemudahan kredit itu hendaklah membayar balik kepada pembeli apa-apa amaun yang telah dibayar daripada jumlah amaun yang kena dibayar atau balasan lain yang diberikan oleh atau bagi pihak pembeli di bawah perjanjian itu; dan
- (c) pembeli itu hendaklah menyerahkan balik barang yang dibeli itu kepada pemberi kemudahan kredit itu.

(4) Jika pembeli memilih supaya amaun lebihan itu dikurangkan daripada jumlah amaun caj terma yang kena dibayar olehnya di bawah perenggan (2)(b), pemberi kemudahan kredit itu hendaklah mengurangkan amaun lebihan itu daripada jumlah amaun caj terma yang kena dibayar di bawah perjanjian jualan kredit itu.

(5) Jika selepas pengurangan dibuat di bawah subseksyen (4), didapati bahawa jumlah amaun caj terma yang kena dibayar telah terlebih dibayar oleh pembeli di bawah perjanjian jualan kredit itu, pembeli itu boleh menolak amaun yang terlebih dibayar itu terhadap jumlah amaun yang kena dibayar di bawah perjanjian itu.

(6) Pemberi kemudahan kredit yang gagal mematuhi subseksyen (1), perenggan (3)(b) atau subseksyen (4) melakukan suatu kesalahan.

(7) Pembeli yang gagal mematuhi perenggan (3)(c) melakukan suatu kesalahan.

(8) Dalam seksyen ini, “amaun lebihan” ertinya perbezaan antara amaun caj terma berkenaan dengan apa-apa barang atau kelas barang di bawah suatu perjanjian jualan kredit dengan amaun caj terma sebagaimana yang dikira mengikut kadar yang ditetapkan.

Pengehadan tempoh bayaran ansuran dan caj

24u. (1) Tempoh bayaran ansuran di bawah suatu perjanjian jualan kredit tidak boleh melebihi tempoh yang ditetapkan.

(2) Kadar caj bayaran lewat ke atas ansuran lampau tempoh yang dikenakan di bawah suatu perjanjian jualan kredit tidak boleh melebihi kadar yang ditetapkan.

(3) Pemberi kemudahan kredit yang gagal mematuhi subseksyen (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan.

Kemungkiran pembayaran ansuran oleh pembeli

24v. (1) Sekiranya berlaku kemungkiran pembayaran dua ansuran berturut-turut oleh pembeli di bawah suatu perjanjian jualan kredit, pemberi kemudahan kredit hendaklah mengeluarkan suatu notis kepada pembeli mengenai penyelesaian ansuran lampau tempoh di bawah perjanjian itu.

(2) Apabila notis di bawah subseksyen (1) diterima, pembeli boleh dalam masa dua puluh satu hari memilih untuk—

- (a) membayar ansuran lampau tempoh dan caj bayaran lewat itu kepada pemberi kemudahan kredit;
- (b) membuat penyelesaian awal bagi perjanjian jualan kredit itu dengan membayar jumlah amaun yang kena dibayar di bawah perjanjian itu kepada pemberi kemudahan kredit; atau

- (c) menamatkan perjanjian jualan kredit itu dan menyerahkan balik barang yang dibeli kepada pemberi kemudahan kredit mengikut seksyen 24w.

(3) Jika pembeli memilih untuk membuat penyelesaian awal di bawah perenggan (2)(b), pemberi kemudahan kredit hendaklah memberi rebat berkanun kepada pembeli itu.

(4) Jika pembeli gagal membuat pemilihan di bawah subseksyen (2), pemberi kemudahan kredit boleh mendapatkan, melalui prosiding undang-undang, amaun keseluruhan yang belum dijelaskan yang kena dibayar oleh pembeli itu di bawah perjanjian jualan kredit sebagai suatu hutang yang kena dibayar kepada pemberi kemudahan kredit itu.

(5) Pemberi kemudahan kredit yang gagal mematuhi subseksyen (1) atau (3) melakukan suatu kesalahan.

Penyerahan balik barang

24w. (1) Pembeli boleh, pada bila-bila masa atau apabila pemilihan di bawah perenggan 24v(2)(c) dibuat, menyerahkan balik barang yang dibeli kepada pemberi kemudahan kredit.

(2) Pembeli hendaklah menyerahkan balik barang yang dibeli pada tarikh yang dipersetujui oleh pemberi kemudahan kredit dan pembeli itu, dan di tempat perniagaan pemberi kemudahan kredit yang terdekat dengan tempat di mana barang yang dibeli itu disimpan atau digunakan atau di tempat lain yang dipersetujui oleh pemberi kemudahan kredit dan pembeli itu.

(3) Jika barang yang dibeli itu diserahkan balik di bawah subseksyen (1), pemberi kemudahan kredit tidak boleh mengenakan apa-apa kos yang ditanggung oleh pemberi kemudahan kredit itu bagi penyimpanan barang yang dibeli itu atau apa-apa kos sampingan yang lain.

(4) Apabila barang yang dibeli yang diserahkan balik oleh pembeli di bawah subseksyen (1) diterima, pemberi kemudahan kredit hendaklah menjual atau selainnya melupuskan barang yang dibeli itu.

(5) Jika barang yang dibeli yang diserahkan balik oleh pembeli di bawah subseksyen (1) dijual atau dilupuskan, pembeli itu berhak kepada harga yang terbaik yang boleh diperoleh secara munasabah oleh pemberi kemudahan kredit itu apabila barang yang dibeli itu dijual atau dilupuskan.

(6) Jika terdapat apa-apa lebihan antara hasil jualan atau pelupusan barang yang dibeli yang diserahkan balik itu dengan amaun keseluruhan yang belum dijelaskan yang kena dibayar di bawah perjanjian jualan kredit, pemberi kemudahan kredit hendaklah membayar amaun lebihan itu kepada pembeli.

(7) Jika terdapat apa-apa kekurangan antara hasil jualan atau pelupusan barang yang dibeli yang diserahkan balik itu dengan amaun keseluruhan yang belum dijelaskan yang kena dibayar di bawah perjanjian jualan kredit, pembeli hendaklah membayar amaun yang kurang itu kepada pemberi kemudahan kredit.

(8) Jika pembeli gagal membayar amaun yang kurang itu kepada pemberi kemudahan kredit di bawah subseksyen (7), pemberi kemudahan kredit itu boleh mendapatkan, melalui prosiding undang-undang, amaun yang kurang itu sebagai suatu hutang yang kena dibayar kepada pemberi kemudahan kredit itu.

(9) Pemberi kemudahan kredit yang gagal mematuhi subseksyen (3), (4) atau (6) melakukan suatu kesalahan.

Sekatan ke atas pendedahan atau pengedaran data peribadi

24x. Pemberi kemudahan kredit tidak boleh mendedahkan atau mengedarkan data peribadi pembeli yang diperoleh di bawah suatu urusan niaga jualan kredit kepada pihak ketiga melainkan jika pembeli itu telah dimaklumkan tujuan pendedahan atau pengedaran itu dan suatu kebenaran bertulis daripada pembeli itu telah diperoleh.

Larangan ke atas pengambilan semula milikan barang

24y. Pemberi kemudahan kredit tidak boleh pada bila-bila masa, sama ada atas kemungkiran pembayaran ansuran atau selainnya, mengambil semula milikan barang yang dibeli daripada pembeli.

Pelanggaran seksyen 24x atau 24y adalah suatu kesalahan

24z. (1) Pemberi kemudahan kredit yang melanggar seksyen 24x atau 24y melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

- (a) jika orang itu suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit, dan bagi kesalahan kali kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit; atau
- (b) jika orang itu bukan suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun, atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan kali kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam tahun, atau kedua-duanya.

(2) Dalam hal kesalahan yang berterusan, pesalah boleh, sebagai tambahan kepada penalti di bawah subseksyen (1), didenda tidak melebihi dua ribu ringgit bagi setiap hari atau sebahagian hari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

Peraturan-peraturan yang berhubungan dengan urusan niaga jualan kredit

24AA. (1) Menteri boleh membuat apa-apa peraturan-peraturan yang perlu atau suai manfaat berkenaan dengan urusan niaga jualan kredit dan perjanjian jualan kredit.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), peraturan-peraturan itu boleh menetapkan—

- (a) tatacara yang berhubungan dengan pembuatan dan penyempurnaan perjanjian jualan kredit termasuk perlakuan pihak-pihak sebelum dan selepas pembuatan perjanjian itu; dan
- (b) formula dan kadar bagi caj terma, tempoh ansuran, rebat berkanun, caj bayaran lewat, fi tempahan dan caj sampingan.”.

Pindaan seksyen 123

4. Seksyen 123 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menomborkan semula seksyen yang sedia ada sebagai subseksyen (1); dan
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) yang dinomborkan semula subseksyen yang berikut:

“(2) Tanpa menjejaskan kuasa penyiasatan di bawah Bahagian ini, Penolong Pengawal yang menyiasat apa-apa pelanggaran kesalahan di bawah Akta ini boleh menjalankan semua atau mana-mana kuasa yang berhubungan dengan penyiasatan polis dalam kes boleh tangkap yang diperuntukkan oleh Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*].”.

Seksyen baharu 123A

5. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 123 seksyen yang berikut:

“Aduan kepada Penolong Pengawal

123A. (1) Penolong Pengawal boleh, apabila mendapat aduan daripada seseorang, menjalankan penyiasatan terhadap mana-mana orang yang telah melakukan atau sedang melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini.

(2) Aduan itu hendaklah menyatakan orang yang terhadapnya aduan itu dibuat dan butiran kesalahan yang dikatakan di bawah Akta ini.”.

Seksyen baharu 124A, 124B, 124C, 124D dan 124E

6. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 124 seksyen yang berikut:

“Kuasa Penolong Pengawal untuk menghendaki maklumat diberi

124A. (1) Seksyen ini terpakai bagi seseorang jika Penolong Pengawal, dalam menjalankan penyiasatan di bawah Bahagian ini, mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa orang itu —

- (a) mempunyai apa-apa maklumat atau apa-apa dokumen yang berkaitan dengan pelaksanaan kuasa dan fungsi Penolong Pengawal di bawah Akta ini; atau
- (b) berupaya memberikan apa-apa keterangan yang Penolong Pengawal mempunyai sebab untuk mempercayai adalah berkaitan dengan pelaksanaan kuasa dan fungsi Penolong Pengawal di bawah Akta ini.

(2) Walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang lain, Penolong Pengawal, dengan notis bertulis, boleh mengarahkan mana-mana orang —

- (a) supaya memberi Penolong Pengawal, dalam tempoh dan mengikut cara dan bentuk yang dinyatakan dalam notis itu, apa-apa maklumat yang disebut dalam subseksyen (1);
- (b) supaya mengemukakan kepada Penolong Pengawal, dalam tempoh dan mengikut cara yang dinyatakan dalam notis itu, apa-apa dokumen yang disebut dalam subseksyen (1), sama ada dalam bentuk fizikal atau media elektronik;
- (c) supaya membuat salinan, atau cabutan daripada, apa-apa dokumen yang disebut dalam subseksyen (1) dan untuk mengemukakan salinan atau cabutan dokumen itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, kepada Penolong Pengawal dalam tempoh dan mengikut cara yang dinyatakan dalam notis itu;

- (d) jika orang itu seorang individu, untuk hadir di hadapan Penolong Pengawal pada masa dan di tempat yang dinyatakan dalam notis itu untuk memberikan apa-apa maklumat, sama ada secara lisan atau bertulis, dan mengemukakan apa-apa dokumen yang disebut dalam subseksyen (1), sama ada dalam bentuk fizikal atau media elektronik;
 - (e) jika orang itu suatu pertubuhan perbadanan, untuk menyebabkan pegawai yang berkaitan dan berwibawa bagi pertubuhan perbadanan itu untuk hadir di hadapan Penolong Pengawal pada masa dan di tempat yang dinyatakan dalam notis itu untuk memberikan apa-apa maklumat, sama ada secara lisan atau bertulis, dan mengemukakan apa-apa dokumen yang disebut dalam subseksyen (1), sama ada dalam bentuk fizikal atau media elektronik;
 - (f) jika orang itu suatu perkongsian, untuk menyebabkan individu yang merupakan seorang pekongsi dalam perkongsian itu atau pekerja perkongsian itu untuk hadir di hadapan Penolong Pengawal pada masa dan di tempat yang dinyatakan dalam notis itu untuk memberikan apa-apa maklumat, sama ada secara lisan atau bertulis, dan mengemukakan apa-apa dokumen yang disebut dalam subseksyen (1), sama ada dalam bentuk fizikal atau media elektronik; atau
 - (g) supaya membuat suatu pernyataan kepada Penolong Pengawal dengan memberikan suatu penjelasan mengenai apa-apa maklumat atau dokumen yang disebut dalam subseksyen (1) dalam tempoh dan mengikut cara dan bentuk yang dinyatakan dalam notis itu.
- (3) Jika Penolong Pengawal mengarahkan mana-mana orang supaya mengemukakan apa-apa dokumen di bawah subseksyen (2) dan orang itu tidak mempunyai jagaan ke atas dokumen itu, orang itu hendaklah—
- (a) menyatakan, sepanjang pengetahuan dan kepercayaannya, di mana dokumen itu boleh dijumpai; dan

- (b) mengenal pasti, sepanjang pengetahuan dan kepercayaannya, orang terakhir yang mempunyai jagaan ke atas dokumen itu dan menyatakan, sepanjang pengetahuan dan kepercayaannya, di mana orang terakhir yang disebut itu boleh dijumpai.

(4) Mana-mana orang yang diarahkan supaya memberikan maklumat atau dokumen di bawah subseksyen (2) hendaklah memastikan bahawa maklumat atau dokumen yang diberikan itu adalah benar, tepat dan lengkap dan orang itu hendaklah memberikan representasi yang nyata yang bermaksud sedemikian, termasuk suatu perisytiharan bahawa dia tidak mengetahui mengenai apa-apa maklumat atau dokumen lain yang boleh menjadikan maklumat atau dokumen yang diberikan itu tidak benar atau mengelirukan.

(5) Mana-mana orang yang enggan atau gagal mematuhi arahan yang dibuat oleh Penolong Pengawal di bawah subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan.

Penolong Pengawal boleh memegang simpan dokumen

124B. (1) Seseorang Penolong Pengawal boleh mengambil dan memegang simpan, selama tempoh yang perlu, milikan mana-mana dokumen yang diperolehi di bawah Bahagian ini.

(2) Orang yang memberikan dokumen yang disebut dalam subseksyen (1) berhak untuk dibekalkan, dengan secepat yang dapat dilaksanakan, suatu salinan yang diperakui oleh Penolong Pengawal sebagai suatu salinan benar dokumen itu.

(3) Walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang lain, salinan terperaku bagi dokumen itu boleh diterima sebagai keterangan seolah-olah salinan itu ialah dokumen asal.

(4) Jika Penolong Pengawal berpuas hati bahawa dokumen itu tidak lagi perlu dipegang simpan, Penolong Pengawal boleh mengembalikan dokumen itu kepada orang yang memberikan dokumen itu, dengan secepat yang dapat dilaksanakan.

Akses kepada rekod

124c. (1) Mana-mana orang hendaklah, jika pada bila-bila masa diarahkan oleh Penolong Pengawal, membenarkan Penolong Pengawal untuk mendapatkan akses kepada buku, rekod, dokumen, benda atau perkaranya bagi maksud menjalankan mana-mana fungsi atau kuasa Penolong Pengawal di bawah Akta ini.

(2) Mana-mana orang yang gagal mematuhi arahan yang dibuat oleh Penolong Pengawal di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

Kuasa untuk memasuki premis, dan memeriksa barang dan dokumen, dsb.

124d. Mana-mana Penolong Pengawal boleh, pada bila-bila masa yang munasabah, menjalankan kuasa yang berikut:

- (a) untuk memasuki mana-mana premis, selain premis yang hanya digunakan untuk rumah kediaman, dan memeriksa atau menentusahkan apa-apa barang atau dokumen;
- (b) untuk mengambil sampel barang atau rekod yang dijumpai di dalam premis itu bagi maksud menentukan, dengan cara menguji atau selainnya, sama ada kesalahan telah dilakukan;
- (c) untuk membuat salinan atau mengambil cabutan daripada mana-mana buku, dokumen, rekod atau benda lain yang dijumpai di dalam premis itu; dan
- (d) untuk menghendaki, tetapi hanya jika dan setakat yang semunasabahnya perlu untuk memastikan bahawa peruntukan Akta ini dan peruntukan mana-mana perintah yang dibuat di bawah Akta ini dipatuhi dengan sewajarnya, mana-mana orang yang mempunyai kuasa untuk berbuat demikian supaya memecah buka apa-apa bekas atau membuka apa-apa mesin layan diri, dan jika orang itu tidak mematuhi kehendak itu, Penolong Pengawal sendiri boleh berbuat demikian.

Kuasa menangkap

124E. (1) Mana-mana Penolong Pengawal boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang yang dipercayainya dengan munasabah telah melakukan atau sedang cuba untuk melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 14, 16, 20 atau 23.

(2) Mana-mana Penolong Pengawal yang membuat tangkapan di bawah subseksyen (1) hendaklah tanpa kelengahan yang tidak perlu menyerahkan orang yang ditangkap sedemikian kepada pegawai polis yang paling hampir atau, jika tiada pegawai polis, membawa orang itu ke balai polis yang paling hampir, dan selepas itu orang itu hendaklah diperlakukan sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang yang berhubungan dengan tatacara jenayah yang sedang berkuat kuasa seolah-olah dia telah ditangkap oleh seorang pegawai polis.”.

Pindaan seksyen 125

7. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen 125(5) subseksyen yang berikut:

“(6) Penolong Pengawal yang menjalankan pengeledahan di bawah perenggan (1)(a) boleh, bagi maksud menyiasat kesalahan itu, memeriksa mana-mana orang yang berada di dalam atau di premis itu.

(7) Penolong Pengawal yang membuat pemeriksaan ke atas seseorang di bawah subseksyen (6) boleh menyita atau mengambil milikan, dan menyimpan dalam jagaan selamat, semua benda selain pakaian yang perlu yang dijumpai pada orang itu dan apa-apa benda lain yang berkenaan dengannya terdapat sebab untuk mempercayai bahawa benda itu merupakan peralatan atau keterangan mengenai kesalahan itu, dan benda itu boleh ditahan sehingga suatu perintah mahkamah dibuat untuk pelupusannya.”.

Seksyen baharu 126A dan 126B

8. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 126 seksyen yang berikut:

“Waran boleh diterima walaupun cacat

126A. Sesuatu waran geledah yang dikeluarkan di bawah Akta ini adalah sah dan boleh dikuatkuasakan walau apa pun apa-apa kecacatan, kesilapan atau peninggalan dalamnya atau dalam permohonan bagi waran itu, dan apa-apa buku, rekod, dokumen, barang atau benda yang disita di bawah waran itu boleh diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding di bawah Akta ini.

Akses kepada maklumat berekod, data berkomputer, dsb.

126B. (1) Mana-mana Penolong Pengawal yang menjalankan kuasanya di bawah seksyen 125 atau 126 hendaklah diberi akses kepada apa-apa maklumat berekod, atau data berkomputer atau berdigital, sama ada yang disimpan dalam suatu komputer atau selainnya.

(2) Dalam menjalankan kuasanya, Penolong Pengawal—

- (a) boleh memeriksa dan meneliti pengendalian apa-apa komputer dan apa-apa radas atau bahan yang berkaitan yang Penolong Pengawal itu mempunyai sebab yang munasabah untuk mengesyaki sedang atau telah digunakan berkaitan dengan maklumat atau data itu;
- (b) boleh menghendaki orang yang Penolong Pengawal itu mempunyai sebab yang munasabah untuk mengesyaki sedang menggunakan atau telah menggunakan komputer itu yang berkaitan dengan maklumat atau data itu;
- (c) boleh menghendaki orang yang Penolong Pengawal itu mempunyai sebab yang munasabah untuk mengesyaki bahawa komputer itu digunakan atau telah digunakan, bagi pihak orang itu, yang berkaitan dengan maklumat atau data itu; atau

- (d) boleh menghendaki orang yang bertanggungjawab bagi, atau yang selainnya terlibat dengan, pengendalian komputer, radas atau bahan itu,

untuk memberikan apa-apa bantuan yang munasabah kepadanya sebagaimana yang dikehendakinya bagi maksud seksyen ini.

(3) Penolong Pengawal boleh membuat salinan atau mengambil cabutan daripada maklumat berekod, atau data berkomputer atau berdigital, jika difikirkannya perlu.

(4) Bagi maksud seksyen ini, “akses” termasuk diberi kata laluan, kod penyulitan, kod penyahsulitan, perisian atau perkakasan yang perlu dan apa-apa cara lain yang dikehendaki untuk membolehkan maklumat berekod, atau data berkomputer atau berdigital difahami.”.

Pemotongan seksyen 128

9. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 128.

Pemotongan seksyen 129

10. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 129.

Pemotongan seksyen 130

11. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 130.

Pindaan seksyen 131

12. Seksyen 131 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subsekyen (5), dengan memasukkan selepas perkataan “hendaklah merujukkan perkara itu kepada” perkataan “Pengawal yang boleh mengarahkan supaya barang, benda, buku, dokumen, rekod atau benda lain itu dilepaskan atau dilucuthakkan, atau boleh mengarahkan Penolong Pengawal untuk merujukkan perkara itu kepada”; dan
- (b) dalam subseksyen (7), dengan menggantikan perkataan “Majistret” dengan perkataan “Pengawal”.

Seksyen baharu 134A dan 134B

13. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 134 seksyen yang berikut:

“Keterangan *agent provocateur* boleh diterima

134A. (1) Walau apa pun mana-mana rukun undang-undang atau peruntukan Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang berlawanan, tiada *agent provocateur* boleh dianggap sebagai tidak boleh dipercayai hanya oleh sebab dia cuba untuk bersubahat atau telah bersubahat dalam melakukan suatu kesalahan oleh mana-mana orang di bawah Akta ini jika cubaan untuk bersubahat atau pensubahatan itu adalah semata-mata bagi maksud mendapatkan keterangan terhadap orang itu.

(2) Walau apa pun mana-mana rukun undang-undang atau peruntukan Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang berlawanan, dan walaupun *agent provocateur* itu ialah seorang Penolong Pengawal, apa-apa pernyataan, sama ada lisan atau bertulis, yang dibuat kepada *agent provocateur* itu oleh mana-mana orang yang selepas itu dipertuduh atas suatu kesalahan di bawah Akta ini boleh diterima sebagai keterangan dalam perbicaraannya.

Anggapan dan pemeriksaan berkenaan dengan sampel

134B. (1) Jika apa-apa barang yang menjadi hal perkara suatu kesalahan di bawah Akta ini dijumpai di dalam dua atau lebih bungkusan atau bekas yang sama perihalnya, hendaklah dianggap sehingga dibuktikan sebaliknya bahawa semua bungkusan atau bekas itu mengandungi barang yang sama jenis, kuantiti dan kualiti.

(2) Jika bungkusan atau bekas mengandungi barang-barang yang melanggar peruntukan Akta ini atau yang selainnya boleh disita telahpun disita, adalah mencukupi untuk hanya membuka dan memeriksa satu peratus atau tidak kurang daripada lima sampel, mengikut mana-mana yang lebih kurang, daripada kandungan setiap bungkusan atau bekas yang disita itu.

(3) Mahkamah hendaklah menganggap bahawa baki sampel yang terkandung di dalam bungkusan atau bekas itu adalah sama jenis dengan sampel yang diperiksa.”.

Seksyen baharu 135A

14. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 135 seksyen yang berikut:

“Pemberian maklumat

135A. (1) Mana-mana orang yang —

- (a) mengetahui atau mempunyai sebab untuk mengesyaki bahawa seorang Penolong Pengawal sedang bertindak, atau bercadang untuk bertindak, berkaitan dengan suatu penyiasatan yang sedang, atau akan, dijalankan di bawah atau bagi maksud Akta ini atau mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta ini, dan mendedahkan kepada mana-mana orang lain apa-apa maklumat atau perkara lain yang mungkin akan menjejaskan penyiasatan itu atau penyiasatan yang dicadangkan itu; atau
- (b) mengetahui atau mempunyai sebab untuk mengesyaki bahawa suatu pendedahan telah dibuat kepada seorang Penolong Pengawal di bawah Akta ini dan mendedahkan kepada mana-mana orang lain apa-apa maklumat atau perkara lain yang mungkin akan menjejaskan apa-apa penyiasatan yang mungkin dijalankan berikutan pendedahan itu,

melakukan suatu kesalahan.

(2) Tiada apa-apa jua dalam subseksyen (1) menjadikannya suatu kesalahan bagi seseorang peguam bela dan peguam cara atau pekerjaanya untuk mendedahkan apa-apa maklumat atau perkara lain —

- (a) kepada klien peguam bela dan peguam cara itu atau wakil klien itu berkaitan dengan pemberian nasihat kepada klien itu dalam perjalanan dan bagi maksud khidmat profesional peguam bela dan peguam cara itu; atau
- (b) kepada mana-mana orang pada menjangkakan, atau berkaitan dengan dan bagi maksud, apa-apa prosiding undang-undang.

(3) Subseksyen (2) tidak terpakai berhubung dengan apa-apa maklumat atau perkara lain yang didedahkan dengan tujuan untuk melaksanakan apa-apa maksud yang menyalahi undang-undang.

(4) Dalam prosiding terhadap seseorang bagi suatu kesalahan di bawah seksyen ini, menjadi suatu pembelaan jika orang itu membuktikan bahawa—

(a) dia tidak mengetahui atau mengesyaki bahawa pendedahan yang dibuat di bawah perenggan (1)(b) berkemungkinan menjejaskan penyiasatan itu; atau

(b) dia mempunyai autoriti yang sah atau alasan yang munasabah untuk membuat pendedahan itu.

(5) Seseorang Penolong Pengawal atau orang yang lain tidak melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen ini berkenaan dengan apa-apa perkara yang telah dilakukan olehnya dalam perjalanan tindakan yang berkaitan dengan penguatkuasaan, atau penguatkuasaan yang dicadangkan, bagi Akta ini.”.

Penggantian seksyen 136

15. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 136 dengan seksyen yang berikut:

“Pemusnahan, menyembunyian, pencacatan dan pengubahan rekod, dsb.

136. Mana-mana orang yang—

(a) memusnahkan, menyembunyikan, mencacatkan atau mengubah; atau

(b) menghantar atau cuba untuk menghantar, atau berkomplot dengan, mana-mana orang lain untuk mengalihkan dari premisnya atau menghantar ke luar Malaysia,

apa-apa buku, rekod, dokumen, benda atau perkara yang disimpan atau disenggarakan dengan niat untuk memfraud Penolong Pengawal atau untuk mencegah, melengahkan atau menghalang perjalanan suatu penyiasatan atau perjalanan mana-mana kuasa oleh Penolong Pengawal di bawah Akta ini melakukan suatu kesalahan.”.

Pindaan seksyen 137

16. Perenggan 137(1)(a) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “palsu” perkataan “atau mengelirukan”.

Penggantian seksyen 138

17. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 138 dengan seksyen yang berikut:

“Halangan, dsb.

138. Mana-mana orang yang —

- (a) enggan memberi mana-mana Penolong Pengawal akses kepada mana-mana premis yang Penolong Pengawal itu berhak kepadanya di bawah Akta ini atau dalam melaksanakan apa-apa kewajipan yang dikenakan atau kuasa yang diberikan oleh Akta ini;
- (b) mengamang, menghalang, menggagalkan atau melengahkan mana-mana Penolong Pengawal dalam membuat apa-apa kemasukan yang Penolong Pengawal itu berhak membuatnya di bawah Akta ini atau dalam melaksanakan apa-apa kewajipan yang dikenakan atau kuasa yang diberikan oleh Akta ini; atau
- (c) enggan memberi mana-mana Penolong Pengawal apa-apa maklumat yang berhubungan dengan suatu kesalahan atau kesalahan yang disyaki di bawah Akta ini atau apa-apa maklumat lain yang boleh dikehendaki daripadanya secara munasabah dan yang ada dalam pengetahuan atau kuasanya untuk diberi,

melakukan suatu kesalahan.”.

Pindaan seksyen 139

18. Seksyen 139 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan memasukkan selepas perkataan “Mana-mana orang yang” perkataan “mendedahkan atau”;

(b) dalam subseksyen (2)—

- (i) dengan memotong perkataan “pendedahan itu dibuat”;
- (ii) dalam perenggan (a), dengan memasukkan sebelum perkataan “bagi atau berkaitan dengan” perkataan “pendedahan itu dibuat”;
- (iii) dalam perenggan (b), dengan memasukkan sebelum perkataan “bagi maksud” perkataan “pendedahan itu dibuat”;
- (iv) dalam perenggan (c), dengan memasukkan sebelum perkataan “bagi maksud” perkataan “pendedahan itu dibuat”;
- (v) dengan memasukkan selepas perenggan (c) perenggan yang berikut:
 - “(ca) pendedahan itu dibuat dengan persetujuan orang yang daripadanya maklumat atau dokumen itu diperoleh;
 - (cb) pendedahan itu dibuat dalam hal keadaan maklumat yang diberikan itu dirangka dengan cara yang sebegitu rupa sehingga sumber maklumat itu tidak dapat dipastikan;
 - (cc) maklumat itu telah sedia ada dalam domain awam;”;
- (vi) dalam perenggan (d), dengan memasukkan sebelum perkataan “kepada mana-mana perunding” perkataan “pendedahan itu dibuat”; dan
- (vii) dalam perenggan (e), dengan memasukkan sebelum perkataan “bagi atau berkaitan dengan” perkataan “pendedahan itu dibuat”; dan

- (c) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(3) Bagi maksud seksyen ini, “maklumat sulit” ertinya apa-apa maklumat perdagangan, perniagaan atau perindustrian yang dipunyai oleh mana-mana orang, dan yang mempunyai nilai ekonomi dan secara amnya tidak tersedia kepada atau diketahui oleh orang lain.”.

Pindaan seksyen 146

19. Perenggan 146(3)(b) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “hendaklah dilepaskan dengan segera” dengan perkataan “boleh dilepaskan sebagaimana yang diarahkan oleh Pengawal”.

Pindaan seksyen 150

20. Seksyen 150 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(3) Mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta ini boleh memperuntukkan apa-apa perbuatan atau peninggalan yang melanggar perundangan subsidiari itu menjadi suatu kesalahan dan boleh memperuntukkan penalti denda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun, atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan kali kedua atau yang berikutnya, denda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi enam tahun, atau kedua-duanya.”.

Kecualian

21. Semua perjanjian jualan kredit yang dibuat sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah, apabila Akta ini mula berkuat kuasa, diuruskan seolah-olah Akta ini tidak pernah mula berkuat kuasa.